

157  
NO. SOALAN: 60

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**  
**DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN N. SURENDRAN A/L K. NAGARAJAN**  
**[ PADANG SERAI ]**

**TARIKH : 12 MAC 2018**

**RUJUKAN : 10561**

**SOALAN :**

Tuan N. Surendran A/L K. Nagarajan [ Padang Serai ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan berapakah jumlah kanak-kanak di Malaysia yang menunggu keputusan permohonan kewarganegaraan Malaysia di bawah fasal 14 Perlembagaan Persekutuan yang tidak dibenarkan memasuki sekolah Kerajaan atau dipaksa membayar levi.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Perkara 14, Perlembagaan Persekutuan merujuk kepada pemerolehan kewarganegaraan secara kuat kuasa undang-undang bagi individu yang dilahirkan di negara ini dan memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh Perlembagaan Persekutuan. Antara perkara yang dirujuk bagi menentukan pemerolehan kewarganegaraan di bawah peruntukan tersebut adalah status perkahwinan dan taraf kewarganegaraan ibu bapa individu sewaktu kelahiran berlaku. Sekiranya individu memenuhi syarat yang ditetapkan, Sijil Kelahiran mereka akan direkodkan dengan taraf Warganegara.

Individu tersebut tidak mempunyai hak untuk menuntut kewarganegaraan Malaysia secara kuat kuasa undang-undang sekiranya syarat-syarat tidak dipatuhi. Walau bagaimanapun, mereka boleh mengemukakan permohonan kewarganegaraan secara pendaftaran di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) tertakluk kepada Bahagian III, Perlembagaan Persekutuan.

Berhubung dengan isu kemasukan ke sekolah, sama ada sekolah Kerajaan atau swasta, ia adalah tertakluk di bawah bidang Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) juga.